

Tema 1**Harmoni Sentiasa**

Buku Teks (m.s. 2 ~ 16)

Bahagian A**Tatabahasa****Soalan 1 dan 2***Pilih jawapan yang paling sesuai.*

1. "_____ harus menyiapkan tugas ini sebelum pukul 10.00 pagi," kata Mei Lian kepada rakan-rakannya.
 - A Kita
 - B Beliau
 - C Mereka
 - D Beta

2. Ayah dan ibu telah berjanji untuk membawa kami sekeluarga mengunjungi _____ untuk melihat panda.
 - A Stadium Negara
 - B Taman Bunga
 - C Muzium Negara
 - D Zoo Negara

Soalan 3*Pilih ayat yang betul.*

3.
 - A Adik sedang menulis nota menggunakan kertas.
 - B Encik Abu menahan kesakitan kerana disengat lebah.
 - C Ibu menanam pokok daun di halaman rumah.
 - D Lim singgah di pasar untuk membeli alat tulis.



© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

Pemahaman Petikan: Teks Tunggal

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada hujung minggu yang lalu, Hakim dan keluarganya pulang ke kampung datuknya di Negeri Sembilan. Mereka ingin melihat ^{果园} dusun buah-buahan datuknya.

Setibanya di sana, Hakim telah dibawa oleh datuknya ke dusun. Dia melihat pokok buah-buahan seperti rambutan, mangga, jambu dan lain-lain lagi. Hakim melihat buah mangga yang telah ^{ripe} rancum bergayutan di atas pokok. Tanpa membuang masa, Hakim terus ^爬 memanjat pokok mangga itu.

Ketika berada di atas pokok, Hakim tidak menyedari bahawa terdapat sarang kerengga di situ. Dia ^抓 terpegang (sarang kerengga) tersebut. Akibatnya, kerengga-kerengga itu telah menyeranginya lalu dia terjatuh. ^{红蚂蚁窝}

Hakim menangis teresak-esak kerana badannya sakit. Dia tidak berdaya untuk bangun lalu menjerit memanggil datuknya. Datuk Hakim yang mendengar jeritan tersebut segera membantu dan menenangkannya. Mereka segera pulang ke rumah.

Apabila tiba di rumah, Hakim meminta maaf kepada datuknya atas sikapnya yang cemerkap itu. Dia juga berjanji untuk lebih berhati-hati selepas ini.

4. Bilakah Hakim dan keluarganya pulang ke kampung?
 - A Pada hari Isnin yang lalu
 - B Pada cuti persekolahan yang lalu
 - C Pada hujung minggu yang lalu
 - D Pada hari Sabtu yang lalu
5. Mengapakah Hakim dan keluarganya pulang ke kampung?
 - A Melawat datuknya yang sakit
 - B Menghabiskan cuti persekolahannya di kampung
 - C Menjaga datuk dan neneknya di kampung
 - D Melihat dusun buah-buahan datuknya
6. Berikut ialah pernyataan yang benar berdasarkan petikan kecuali
 - A datuk Hakim memiliki dusun buah-buahan.
 - B Hakim sengaja memegang sarang kerengga.
 - C Hakim pulang ke kampung pada hujung minggu yang lalu.
 - D Hakim menangis teresak-esak kerana terjatuh.

Pemahaman Petikan: Teks Pelbagai

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

KEMPEN PEMILIKAN RUMAH TAMAN IMPIAN MELAKA

↩ Kini, anda berpeluang untuk memiliki:



排屋
**RUMAH TERES
SATU TINGKAT**

Saiz Lot : 20 kaki x 60 kaki
= RM200,000 seunit

**RUMAH TERES
DUA TINGKAT**

Saiz Lot: 22 kaki x 70 kaki
RM399,999 seunit

BAHAN 2

拥有/属于
KEMPEN PEMILIKAN RUMAH TAMAN IMPIAN MELAKA

- ⦿ 10% deposit semasa menandatangani surat perjanjian jual beli
- ⦿ Pinjaman sehingga 97% dan tempoh kelulusan segera
- ⦿ Kawasan perumahan yang strategik
- ⦿ Terletak di tengah-tengah bandar raya Melaka
- ⦿ Berdekatan dengan sekolah, pusat beli-belah, pusat keagamaan, hospital dan pasar raya
- ⦿ Suasana persekitaran yang indah dan selesa
- ⦿ Pengawasan dan penjagaan keselamatan selama 24 jam setiap hari
- ⦿ Hartanah lot perumahan jenis pegangan milik bebas

Pemaju & Pejabat Jualan:

Kumpulan Prasarana Hebat,
17B, Jalan Kota Laksamana,
75200 Melaka.

No. telefon: 06-123XXXX / Faks: 06-421XXXX

E-mel: prasaranahebat@gmail.com

**Hubungi
Segera!**

7. Rumah Taman Impian Melaka menawarkan rumah jenis
- A teres. *offer 推出*
- B berkembar.
- C pangsapuri.
- D banglo.

 Kempen Pemilikan Rumah Taman Impian Melaka

8. Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah
- A ekor.
- B buah.
- C batang.
- D keping.
9. Perkataan *rumah* dalam Bahan 1 dan Bahan 2 membawa maksud
- A kediaman.
- B khemah.
- C dewan.
- D gudang.
10. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang Bahan 1 dan Bahan 2 di atas.
- A Lokasi projek terletak di kawasan bandar.
- B Kediaman berdekatan dengan pejabat guaman.
- C Taman perumahan berdekatan dengan hospital.
- D Hartanah lot perumahan jenis pegangan milik bebas.

Bahagian B**Pemahaman Petikan dan Tatabahasa****Soalan I**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada 20 Mac yang lalu, Kelab Bahasa Melayu SJKC Man Hwa telah mengadakan pertandingan nyanyian lagu kanak-kanak berbahasa Melayu. Pertandingan ini telah disertai oleh 20 orang murid. Pertandingan ini berlangsung di Dewan SJKC Man Hwa. Tujuan pertandingan ini adalah untuk membolehkan murid-murid menguasai kemahiran berbahasa Melayu dengan baik serta mencungkil minat dan bakat nyanyian murid.

Pertandingan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada murid tahap dua. Pelbagai lagu kanak-kanak berbahasa Melayu dinyanyikan oleh para peserta. Antaranya ialah lagu "Jong-jong Inai", "Bapaku Pulang dari Kota", "Tepuk Amai-amai" dan banyak lagi. Para peserta menyanyikan lagu mereka dengan penuh bersemangat dan kreatif. Johan pertandingan ini telah dimenangi oleh Lee Siang Hui manakala tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi oleh Tey Kah Lee dan Lee Le Xuan.

I. (a) Pertandingan ini telah disertai oleh _____

(b) Apakah tujuan pertandingan itu diadakan?

- (c) *Bulatkan satu kata sendi nama yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Pertandingan ini berlangsung di Dewan SJKC Man Hwa.

- (d) *Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Pelbagai lagu kanak-kanak berbahasa Melayu dinyanyikan oleh para peserta.

Para peserta menyanyikan pelbagai lagu kanak-kanak berbahasa Melayu.	
Kanak-kanak berbangsa Melayu menyanyikan lagu berbahasa Melayu.	

Respons Kritis dan Kreatif

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Rakan kamu terlupa membawa duit belanja ke sekolah. Oleh itu, dia tidak dapat membeli makanan di kantin dan menahan kelaparan.

2. Sebagai rakan, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

Bahagian C**Penulisan Perenggan**

Grafik di bawah menunjukkan tentang aktiviti gotong-royong.

Tuliskan pendapat kamu tentang kebaikan aktiviti bergotong-royong.

Tawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

Kebaikan Aktiviti Gotong-royong